

Jangan hilangkan kuasa Islam dalam kerajaan - Mahathir

UM 20 OCT 1990

PULAU PINANG 19 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam terhadap kemungkinan golongan Islam tidak lagi akan menjadi tulang belakang kerajaan jika rakyat tidak membuat keputusan yang tepat dalam pilihanraya kali ini.

Tegasnya, rakyat hendaklah memikirkan perkara itu atau mahu membiarkan Islam menjadi kumpulan kecil dan 'menyembah' pihak - pihak lain selepas pilihanraya 21 Oktober ini.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa kejadian seumpama itu pernah berlaku di negara - negara lain di mana orang Islam tidak berkuasa walaupun mereka merupakan golongan majoriti.

"Kalau umat Islam terus berpecah - belah, kuasa yang dipegang sekarang tidak akan kekal, walaupun kaum Islam paling banyak di negara ini iaitu 54 peratus," kata Dato' Sri Dr. Mahathir selepas menunaikan fardu Jumaat di Masjid Sungai Tiram, Bayan Lepas di sini hari ini.

Menurut beliau, perpecahan di kalangan umat Islam kini adalah kerana perbezaan pandangan politik tetapi perbezaan itu tidak harus mengikatkan kuasa orang Islam di negara ini menjadi lemah.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu melahirkan dukacitanya terhadap parti pembangkang yang sanggup berbaik - baik dengan segolongan orang di Sabah yang hendak memecah - belahkan umat Islam.

Ketika bercakap kepada para pemberita di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas sebelum berlepas ke Kangar, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, jika Pas bersedia untuk mengadakan kerjasama dengan UMNO, parti itu hendaklah menghentikan kerjasamanya dengan Semangat 46 dan DAP sekarang dan bukan selepas pilihanraya ini.

Katanya, Pas perlu berbuat demikian sebagai menandakan keikhlasannya untuk mengadakan kerjasama itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang dalam lawatan sehatnya ke negeri itu turut berucap di majlis jamuan tengah hari di Dewan Perhimpunan Cina dan beliau meminta para pengundi di bandar - bandar supaya menolak DAP dalam pilihanraya kali ini.

Menurut beliau, para pengundi harus menyedari bahawa Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang adalah seorang diktator dan akan membuang mana - mana pemimpin parti itu

yang bersikap sederhana dan rasional.

Perdana Menteri meramalkan Pengerusi DAP, Encik Chen Man Hin yang 'tidak berbu-- apa' akan dibuang tidak lama lagi sama

LIHAT MUKA 2

Kes-
Rah-

JANGAN HILANGKAN KUASA ISLAM

UM 20 OCT 1990

bekas Timbalan Setiausaha Agung DAP, Encik Lee Lam Thye.

Menurut beliau, Encik Lim Kit Siang terbukti sebagai diktator kerana mana - mana jawatan dalam parti itu boleh ditentang melainkan Setiausaha Agung yang disandangnya sekarang.

Sehubungan dengan itu, beliau merayu para pengundi di Pulau Pinang tidak mensia - siakan undi mereka, sebaliknya menyokong penuh semua calon BN termasuk Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu demi masa depan yang lebih baik.

"Tidak ada gunanya mengundi orang - orang

macam Kit Siang dan Karpal Singh yang hanya buat bisung dan terkenal sebagai pembaling buku terbaik dalam sesi Dewan Undangan Negeri," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir melahirkan keyakinan bahawa BN terus mengekalkan pemerintahannya di Pulau Pinang melalui pilihanraya ini dan lebih banyak kerusi Parlimen akan dimenangi di seluruh negara.

Turut hadir Dr. Lim Chong Eu, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Encik Anwar Ibrahim dan calon BN Parlimen Tanjung, Encik Boey Weng Keat.